

# BAHASA MELAYU GCE 'O'

Dengan  
kerjasama

Yayasan  
**MENDAKI**  
In Quest of Excellence



KERTAS	KOMPONEN	JENIS ITEM	BILANGAN ITEM	MARKAH	PEMBERATAN	CATATAN
KERTAS 1 PENULISAN ESEI (2 JAM)	PENULISAN ESEI <b>BAHAGIAN A</b> Penulisan Fungsional • Surat Kiriman • Dialog	OE	5 2 (jawab1)	70 20	35% 10%	• Sekurang-kurangnya 100 perkataan. • Surat Rasmi dan Dialog. • Sekurang-kurangnya 240 perkataan • Ketiga-tiga jenis diberikan setiap tahun • Karangan Deskriptif – berdasarkan topik yang diberikan. • Karangan Ekspositori – jenis pendedahan (perbandingan, sebab dan akibat, definisi dan penerangan). • Karangan Naratif – scenario diberikan atau melengkapkan cerita.
	<b>BAHAGIAN B</b> Penulisan Esei • Deskriptif • Ekspositori • Naratif	OE	3 (jawab1)	50	25%	
KERTAS 2 PENGUNAAN BAHASA DAN PEMAHAMAN (1 1/2 JAM)	<b>BAHAGIAN A</b> A1 Membentuk Perkataan • Imbuan	OE	5	10	5%	• Imbuan pada kata dasar daripada bentuk akar, terbitan, ganda dan majmuk. • Perkataan yang diuji digarisi. • Petikan sepanjang 80 -100 perkataan.  Item yang diuji mewakili keempat-empat golongan kata : Kata nama, Kata kerja, Kata adjektif dan Kata tugas • Petikan sepanjang 80 -100 perkataan  • Petikan tidak melebihi 320 perkataan  • Petikan tidak melebihi 320 perkataan • S1-S5 soalan pemahaman (taburan markah berdasarkan kepayahan item). • S6-S8 menguji kosa kata (makna perkataan/frasa berdasarkan teks). Setiap soalan 2 markah.
	A2 Peribahasa A3 Membina Ayat A4 Melengkapkan Teks (Golongan Kata)	FIB OE OE	5 3 5	5 9 10	2.5% 4.5% 5%	
	<b>BAHAGIAN B</b> Pemahaman	MCQ	5	10	5%	
	<b>BAHAGIAN C</b> Pemahaman	OE	8	26	13%	
KERTAS 3 LISAN DAN KEFAHAMAN MENDENGAR	<b>LISAN DAN KEFAHAMAN MENDENGAR</b> <b>LISAN</b> <b>BAHAGIAN A</b> Bacaan Lantang <b>BAHAGIAN B</b> Perbualan (Tema berdasarkan teks dalam Bahagian A)	OE	12 2 1	60 40 10	30% 20% 5%	• 1 teks • Petikan tidak melebihi 180 perkataan • Menggunakan Sebutan Baku  • Menggunakan Sebutan Baku  • 4-5 teks • Pelbagai jenis teks • Teks dibaca menggunakan Sebutan Baku
	<b>BAHAGIAN B</b> Perbualan (Tema berdasarkan teks dalam Bahagian A)	OE	1	30	15%	
	<b>KEFAHAMAN MENDENGAR</b>	MCQ	10	20	10%	
	<b>JUMLAH</b>		48	200	100%	

\*MCQ – Multiple-Choice Questions (Item Aneka Pilihan) \*\*FIB – Fill in the blanks (Isi Tempat Kosong) \*\*\*OE – Open-ended item (Item Respons Bebas)

## Panduan Kertas 2 Bahasa Melayu (1132)

### Bahagian A

#### 1. Imbuan (Soalan 1 – 5)

Amatlah penting untuk pelajar untuk membaca dan memahami teks yang diberi sebelum memberikan imbuan yang sesuai pada 5 perkataan dasar yang digariskan.

- Seringkali pelajar-pelajar akan diuji:  
– imbuan awalan, seperti beR-, meN-, di- dan se-  
– imbuan akhiran, seperti –an (buatan) dan –i (lindung)  
– imbuan apitan, seperti mem...i (mempunyai) dan per...an (persaraan)

• Jangan membentuk perkataan-perkataan yang digarisi dengan bentuk-bentuk yang lain, seperti menggendakannya.

- nya bukanlah satu bentuk imbuan tetapi sebaliknya ia adalah bentuk kata ganti diri, seperti bukunya untuk menyatakan buku dia.

#### CONTOH

**Arahan :** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuan yang sesuai pada setiap perkataan.

Cerita penglipur lara seperti Hikayat Malim Deman amat digemari oleh masyarakat Melayu lama. Cerita ini bertujuan untuk 1. hibur hati yang lara. Mengikuti golongan pendapat, cerita penglipur lara ini merupakan satu 'escapism' ia itu satu cara untuk lari dari 2. nyata kehidupan kerana ia dapat membuat golongan yang mendengar, selalunya golongan bawahan, melupakan sebentar kesusahan kehidupan mereka buat seketika.

#### Jawapan:

1. menghiburkan
2. kenyataan

**Komen :** Jawapan untuk soalan 1 (menghiburkan) boleh didapatkan daripada ayat yang pertama di mana dikatakan bahawa cerita penglipur lara ini amat digemari oleh masyarakat lama. Sesuatu yang digemari selalunya akan mengembirakan atau menghiburkan hati si pendengar.

Untuk jawapan yang kedua pula, kekata 'escapism' membawa maksud melupakan sebentar kesusahan kehidupan atau kenyataan kehidupan yang sukar.

#### 2. Peribahasa (Soalan 6 – 10)

Pelajar-pelajar haruslah memahami 100 peribahasa yang telah dipelajari semenjak dari peringkat Menengah Satu hingga ke peringkat Menengah Empat.

- Pelajar-pelajar tidak harus sambil lewa dalam menjawab bahagian ini walaupun – sebanyak 10 peribahasa disenaraikan untuk dipilih dan diisi dalam 5 tempat kosong – 5 markah akan diberikan sekiranya pelajar dapat menjawab kesemuanya dengan betul

• Sebelum mengisi tempat-tempat kosong, pelajar harus membaca dan memahami ayat-ayat sebelum dan sesudah setiap tempat kosong kerana makna peribahasa sering diberikan, baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Lantas, ia dapat membantu pelajar untuk memilih peribahasa yang tepat daripada senarai peribahasa-peribahasa yang diberikan.

#### CONTOH

**Arahan:** Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) baik membawa resmi ayam betina
- (B) hilang adat tegal muafakat
- (C) kalau tak ada berada, takkan tempua bersarakan lidah
- (E) berjalan peliharaan kaki, bercakap peliharaan rendah

Hubungan yang baik dan globalisasi. Kedua-dua perkara ini membuat pemerintah Singapura sentiasa mengatur langkah bijak agar tidak terjebak dengan masalah yang tidak diinginkan (1) \_\_\_\_\_. Pemerintah Singapura sedayanya berusaha memelihara hubungan yang baik dengan jiran-jirannya. Setiap tutur kata tidak berbau riak demi mengelakkan perbalahan (2) \_\_\_\_\_.

#### Jawapan:

1. (E) berjalan peliharaan kaki, bercakap peliharaan rendah (Peribahasa ini bermaksud dalam melakukan sesuatu pekerjaan hendaklah sentiasa berhati-hati)

2. (A) baik membawa resmi ayam betina. (Peribahasa ini bermaksud seseorang itu hendaklah selalu merendah diri dalam tutur kata dan perbualan supaya tidak dibenci oleh orang lain dan selamat hidup)

#### 3. Bina Ayat (Soalan 11 -13)

Baca arahan yang diberikan. Pelajar mesti membina sepotong ayat sahaja bagi setiap perkataan/frasa yang diberikan. Sekiranya lebih daripada sepotong ayat dibina, pelajar tersebut tidak akan menerima sebarang markah bagi soalan tersebut.

- Ayat yang dibina haruslah jelas menunjukkan makna perkataan/frasa yang diberikan itu. Markah bagi soalan ini boleh terjejas sekiranya ayat pelajar tidak dapat menunjukkan makna perkataan/frasa tersebut dengan jelas. Pelajar harus sedar bahawa menerusi bahagian ini, pelajar diuji pemahaman tentang makna perkataan/frasa yang diberi; bukan semata-mata menguji pelajar membina ayat tanpa kesusahan nahu.
- Elakkan daripada membina dialog. Pelajar sebaiknya membina sepotong ayat

biasa.

- Jangan mengubah bentuk perkataan/frasa yang diberi. Para pelajar tidak akan mendapat sebarang markah sekiranya imbuan pada perkataan/frasa tersebut diubah atau cuba menggandakan perkataan/frasa tersebut.
- Pelajar-pelajar juga dinasihatkan agar jangan membina ayat yang kurang sesuai atau menggunakan perkataan yang kurang elok di dalam ayat mereka. Kata-kata atau isi-isi yang lucah atau kesat haruslah dielakkan sama sekali.

#### CONTOH

**Arahan:** Bina sepotong ayat yang sesuai dengan menggunakan setiap perkataan/frasa yang diberikan. Ayat kamu harus menunjukkan makna perkataan/frasa tersebut.

#### kekayaan

Ayat 1: Ahmad dan keluarganya hidup dalam kekayaan.

**Komen 1:** Ayat ini tidak menunjukkan makna perkataan 'kekayaan' dengan jelas. Perkataan 'kekayaan' yang digunakan dalam ayat ini boleh digantikan dengan perkataan lain seperti kesusahan, kemiskinan (walaupun ia mempunyai maksud yang bertentangan) kerana ia tidak menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan kekayaan itu.

**Ayat 2: Ahmad dan keluarganya hidup dalam kekayaan dan mereka tinggal di rumah banglo dan ayah dan ibunya bergaji lumayan.**

**Komen 2:** Ayat ini jelas menunjukkan makna perkataan 'kekayaan'. Ini adalah kerana frasa 'tinggal dirumah banglo' dan 'bergaji lumayan' membawa maksud kehidupannya yang kaya.

#### 4. Melengkapkan Teks (Soalan 14 – 18)

Para pelajar harus membaca dan memahami teks yang diberikan beberapa kali sebelum cuba mengisi tempat-tempat kosong.

- Teliti ayat pertama dan terakhir di dalam teks ini. Di dalam ayat-ayat tersebut, tiada tempat kosong yang diberikan agar pelajar dapat lebih memahami teks ini sebelum cuba menjawabnya.

• Dalam bahagian ini, pelajar diuji dengan Kata Kerja (KK), Kata Tugas (KT), Kata Adjektif (KA) dan Kata Nama (KN). Jawapan-jawapan yang diberikan perlu menggunakan keempat-empat golongan kata tersebut dengan jawapan yang kelima boleh daripada salah satu daripadanya.

- Pelajar harus mengisi setiap tempat kosong dengan sepetah perkataan sahaja.

• Seringkali pelajar tidak harus menimbangkan perkataan yang telah digunakan di dalam teks sebagai jawapan mereka.

#### CONTOH

**Arahan:** Isi setiap tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

Hari Raya Aidilfitri atau Hari Raya Puasa merupakan hari yang dinanti-nantikan oleh semua orang terutama sekali kanak-kanak. Pada hari ini semua 1. \_\_\_\_\_ Islam tidak kira tua ataupun muda akan mengenangkan pakaian 2. \_\_\_\_\_ dan cantik sambil bergembira. Malangnya didalam keghairahan kita menyambut Hari Raya ini, ramai remaja dan adakalanya orang dewasa juga gagal untuk memahami mengapakah kita 3. \_\_\_\_\_ hari yang mulia ini. Mereka terluha bahawa Hari Raya ini merupakan suatu 4. \_\_\_\_\_ yang dianugerahkan kepada kita kerana telah berjaya menjalani ibadah puasa selama sebulan. Bagi golongan ini berpuasa pada Ramadhan tidak penting. 5. \_\_\_\_\_ kita melihat golongan ini memakan dan meminum tanpa segan-silu di siang hari semasa bulan ini. Patutkah mereka menyambut Hari Raya sedangkan seruan untuk berpuasa mereka abaikan?

#### Jawapan:

( 1 ) umat (KN) ( 2 ) baru (KA) ( 3 ) meraikan (KK)/menyambut (KK) /merayakan (KK) ( 4 ) perayaan (KN) ( 5 ) Justeru (KT)

### Bahagian B

#### Kefahaman Objektif (Soalan 19 – 23)

• Pelajar haruslah membaca teks, yang lebih kurang 300 patah perkataan, berulang kali dan cuba memahaminya.

• Dalam menjawab soalan kefahaman objektif ini, sebanyak 4 pilihan diberikan kepada pelajar. Daripada 4 pilihan ini, hanya satu sahaja yang paling sesuai untuk dipilih sebagai jawapan manakala yang lagi tiga pilihan berperanan sebagai pendaya.

• Kadangkala, ada di antara pendaya boleh dipertimbangkan sebagai jawapan tetapi pelajar dinasihatkan untuk lebih teliti dan hanya membuat pilihan yang paling tepat.

• Bagi setiap soalan yang cuba dijawab, pelajar dinasihatkan agar seringkali merujuk semula pada teks untuk menentukan jawapan yang paling sesuai.

#### CONTOH

**Arahan:** Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Membaca merupakan satu keperluan asas jika seseorang itu ingin berjaya di dalam kehidupan yang mementingkan ilmu pengetahuan. Kemahiran membaca merupakan satu kemahiran bahasa yang penting kerana melaluinya seseorang itu boleh menerokai alam ilmu pengetahuan yang tidak dapat ditempuhinya melalui pengalaman-pengalaman biasa yang lain.

Pembacaan membawa seseorang itu ke alam imaginasi, di luar daripada situasi kehidupan yang dilaluinya sehari-hari. Pembacaan juga boleh membuka dan memperluaskan pemikiran dan pengetahuan seseorang dalam pelbagai bidang. Oleh yang demikian kemahiran ini haruslah ditanamkan sedalam-dalamnya kepada murid-murid sejak awal-awal lagi supaya ia boleh dipupuk dan disuburkan dengan sebaik-baiknya.

Ibu-bapa memainkan peranan yang penting di dalam penyediaan minat untuk membaca ini. Di dalam kehidupan kanak-kanak yang sangat tertutup itu, ibu bapalah merupakan orang yang pertama yang akan membentuk dan mempengaruhi perwatakan kanak-kanak itu. Sekiranya minat membaca ini telah ditanam semasa kanak-kanak itu masih bayi lagi maka besar kemungkinanlah kanak-kanak itu akan membesar menjadi seseorang yang mencintai ilmu pengetahuan. Cintanya kepada pembacaan akan membuka pintu-pintu ilmu kepadanya yang akan membawa manfaat kepadanya pada masa hadapan. Perkara ini telah disedari oleh masyarakat Melayu sejak berkurun yang lalu apabila mereka mengatakan 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

Budaya suka membaca ini perlu diterapkan kepada semua lapisan masyarakat kita. Kelebihan suka membaca ini memberi banyak faedah dan keuntungan kepada si pembaca bukan sahaja pada waktu sekarang ini tetapi yang lebih penting pada masa hadapan yang akan datang.

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di atas, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

#### 1. Kemahiran membaca merupakan \_\_\_\_\_.

- (A) satu kemahiran yang perlu dipelajari.
- (B) satu keperluan asas untuk berjaya dalam kehidupan.
- (C) ia merupakan sesuatu yang dapat menjamin kejayaan dalam kehidupan.
- (D) ia membolehkan pembaca itu untuk menerokai pelbagai alam kehidupan.

#### Jawapan: (D)

**Komen:** Untuk mendapatkan jawapan ini para pelajar perlu memahami apa yang dikehendaki soalan. Soalan ini meminta pelajar mencari jawapan apakah kepentingan membaca dan bukan yang lainnya. Lazimnya jawapan kepada soalan pertama dalam komponen ini boleh didapati di dalam perenggan pertama ini.

2. Ibu bapa memainkan peranan yang penting didalam pemupukan kemahiran membaca ini kerana \_\_\_\_\_.

- (A) persekitaran bayi itu tertutup.
- (B) ibu yang melahirkan dan ayah yang membesarkan kanak-kanak itu.
- (C) mereka merupakan orang yang pertama yang akan mempengaruhi kehidupan kanak-kanak itu.
- (D) hanya mereka sahaja yang boleh mempengaruhi dan membentuk kehidupan kanak-kanak itu.

#### Jawapan: (C)

**Komen:** Soalan ini agak mencabar disebabkan pendaya-pendayanya yang boleh mengelirukan. Walau bagaimanapun, jawapan kepada soalan ini boleh didapati di baris 11 dan 12 kerana mereka merupakan orang yang pertama bersama bayi itu sebaik sahaja ia dilahirkan.

3. Peribahasa 'melentur buluh biarlah dari rebungnya' (baris 21) dalam teks ini membawa maksud \_\_\_\_\_.

- (A) buluh perlu dilentur semasa ia masih kecil lagi.
- (B) buluh hanya boleh dilentur semasa ia berada di tahap rebungnya
- (C) tidak mudah untuk mencorak perengai seseorang itu apabila dia sudah dewasa
- (D) untuk berjaya mencorakkan perengai seseorang itu kita perlu membentuknya semasa dia masih kecil lagi

#### Jawapan: (D)

**Komen:** Soalan ini juga mempunyai pendaya-pendaya yang boleh menyukarkan pelajar memutuskan jawapannya. Tetapi, hanya apabila pelajar meneliti perenggan 3 dengan betul barulah pelajar dapat memutuskan jawapan yang paling tepat.

### Bahagian C

#### Kefahaman Subjektif (Soalan 24 – 31)

• Dalam kefahaman subjektif ini, pelajar sekali lagi harus benar-benar memahami teks yang diberi sebelum menjawab soalan-soalan yang diajukan. Ini dapat dilakukan dengan membaca teks berulang kali dan kemudian merancang jawapan dengan menggariskan ayat-ayat di dalam teks yang boleh dipertimbangkan sebagai jawapan.

• Pelajar-pelajar dinasihatkan agar menggunakan ayat-ayat sendiri. Jangan amalkan menulis kembali ayat-ayat seperti mana ia dicetak di dalam teks.

• Pelajar boleh menjawab soalan-soalan dengan lebih daripada sepotong ayat. Jangan terkeliru dengan bahagian Membina Ayat, di mana pelajar harus membina sepotong ayat sahaja. Elakkan daripada menulis jawapan-jawapan dalam sepotong ayat yang panjang dengan penggunaan banyak tanda koma dan kata hubung seperti 'dan'.

• Sebelum menjawab setiap soalan, pastikan jumlah markah penuh bagi soalan tersebut. Jawapan yang diberikan harus memadai dengan markah yang ditetapkan. Lazimnya soalan yang memberi 2 markah, memerlukan 1 fakta sahaja manakala soalan yang menawarkan 4 markah memerlukan 2 fakta yang berbeza.

• Jangan membuat andaian menerusi jawapan-jawapan kamu. Jawapan-jawapan yang diberikan haruslah berdasarkan teks.

• Dalam menjawab soalan 29-31, cuba seberapa daya untuk menerangkan perkataan ataupun frasa yang ditukil daripada teks. Teliti bagaimana perkataan/frasa tersebut digunakan di dalam teks. Kemudian, berikan penerangan berdasarkan penggunaannya di dalam teks. Pelajar juga dinasihatkan agar jangan menggunakan perkataan yang sama kerana dengan melakukan demikian, pelajar tidak akan diberi markah. Satu cara yang baik untuk menjawab bahagian ini ialah dengan memberikan kata seerti atau seiras dengan perkataan yang diberikan. Penggunaannya mestilah bersesuaian dengan kehendak teks. Elakkan daripada memberi lebih daripada satu makna (perkataan) kerana hanya perkataan pertama sahaja yang diambil kira.

Cik Sumarni Markasan, 32 tahun, sudah hampir lapan tahun bekerja sebagai pembantu rumah di sini. Hampir setiap tahun beliau diberi kebenaran pulang bercuti oleh majikannya. Gaji beliau juga lumayan iaitu \$400 sebulan. Keadaannya jauh berbeza daripada Cik Siti Taslimah Rusdi. Sejak bekerja di sini lapan tahun lalu, beliau tidur tidak sampai lima jam sehari. Gajinya kini pula mencapai \$290 sebulan.

"Saya pasrah. Asal dapat kerja, saya terima. Memang kerja saya banyak tetapi kebolehan memasak masakan Barat. Memang saya memberitahu ejen bahawa saya hanya sedia bekerja dengan majikan ekspatriat atau yang sanggup membayar gaji tinggi. Saya sudah bekerja dengan tiga majikan sejauh ini. Majikan pertama orang Cina. Majikan kedua pula seorang ekspatriat Amerika Syarikat. Majikan saya sekarang ini warga Iran. Sudah hampir tiga tahun saya bekerja dengan mereka," jelas Cik Sumarni, ibu dua orang anak.

"Jika ada peluang, saya juga ingin mengambil kursus komputer di sini supaya apabila pulang ke Indonesia, boleh mencari pekerjaan yang baik," kata Cik Sumarni.

Cik Siti pula belum berumah tangga. Beliau datang bekerja di sini tanpa membuat apa-apa persiapan.

"Saya pasrah. Asal dapat kerja, saya terima. Memang kerja saya banyak tetapi majikan saya baik. Saya lebih banyak menjaga anak dan menguruskan rumah. Saya kurang memasak," kata Cik Siti yang bercadang mencari majikan baru apabila kontraknya tamat pada September nanti.

Beliau sudah boleh bertutur bahasa Inggeris dengan agak lancar hasil mengikuti kursus bahasa Inggeris anjuran Kumpulan An-Nisaa. Majikannya, kata beliau lagi, mempunyai tiga orang anak yang masing-masing berusia 18, 17 dan 15 tahun.

Apakah masalah yang dialami oleh pembantu rumah? Kedua-dua yang ditemui bual sekata memberitahu bahawa kebanyakan pembantu mengalami masalah dengan keluarga di kampung. Ini disebabkan keluarga di kampung terlalu mengharap wang mereka hingga ada yang terpaksa mengirinkan wang pulang setiap bulan.

"Akhirnya mereka pulang gigit jari!" kata salah seorang di antara kedua-dua pembantu itu.

Pendeknya kata mereka, warna-warni kehidupan di perantauan begitu banyak sekali. Cabarannya juga hebat. Namun, ramai juga yang tidak kecondang dan dapat pulang ke pangkuan keluarga dengan selamat dan menjadi 'OKB' (orang kaya baru).

(Dipetik dan diubahsuai daripada Berita Harian, 4 Mac 2004)

Bagi Soalan 29 hingga Soalan 31, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

29. ekspatriat (baris 10) (2 markah)

**Jawapan :** warga asing  
**Komen :** Ekspatriat membawa maksud (orang) yang tinggal di negara asing; pegawai. Jawapan ini boleh didapatkan daripada teks baris 11 – 14 dimana pembantu itu mengatakan bahawa dia telah bekerja dengan majikan daripada bangsa lain selain daripada warga Singapura.

30. pasrah (baris 20) (2 markah)

**Jawapan :** berserah  
**Komen :** Jawapan ini boleh kita dapatkan pada baris 20 apabila pembantu itu mengatakan "Saya pasrah. Asalkan saya, saya terima" dan daripada ayat selanjutnya yang mengatakan bahawa, "beliau datang bekerja di sini tanpa membuat apa-apa persiapan". (baris 18-19)

31. kecondang (baris 36) (2 markah)

**Jawapan :** gagal  
**Komen :** Jawapan ini dapat diberikan daripada frasa yang berikut .. "dapat pulang ke pangkuan keluarga dengan selamat dan menjadi 'OKB' (orang kaya baru)," yang bermaksud berjaya atau tidak kecondang (gagal).

Lungsuri lelamn [www.mendaki.org.sg](http://www.mendaki.org.sg) untuk dapatkan contoh kertas peperiksaan ini.